



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**SOP SEKTOR SOSIAL DARIPADA KEMENTERIAN PERPADUAN
NEGARA (KPN) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN *TOTAL LOCKDOWN* (FASA 1) AKAN
DIMUATNAIK DALAM LAMAN WEB RASMI
MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN) DAN
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN)**

31 Mei 2021, Putrajaya – Kerajaan telahpun mengumumkan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau '*total lockdown*' Fasa Pertama di seluruh negara selama 14 hari, bermula 1 Jun hingga 14 Jun 2021.

2. Berikutan pengumuman tersebut, Kementerian Perpaduan Negara telah mengemaskini SOP Sektor Sosial seperti berikut:-

- a. SOP Pembukaan Rumah Ibadat Selain Islam;
- b. SOP Pengurusan Pengebumian Selain Orang Islam;
- c. SOP Pembukaan Taska Genius Perpaduan/ Tabika Perpaduan; dan
- d. SOP Aktiviti Skim Rondaan Sukarela (SRS).

3. Kesemua SOP ini akan dimuatnaik dalam telegram serta laman web rasmi Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan laman web rasmi KPN pada hari ini. Sebarang pertanyaan berhubung SOP ini boleh hubungi hotline KPN iaitu 03-80918054.

4. Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique menyeru semua untuk mematuhi SOP PKP *Total Lockdown* (Fasa 1) yang ditetapkan, menjaga kebersihan diri, memakai pelitup muka dan pastikan penjarakan fizikal, dalam usaha kita memutuskan rantaian COVID-19 di Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara

31 Mei 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (74)